PENCAPAIAN KOKURIKULUM KPTM BANGI

KEJOHANAN TAEKWON-DO POLIS DIRAJA MALAYSIA 2020

Pasukan Kelab Taekwondo KPTM Bangi telah berjaya merangkul 6 emas, 6 perak & 8 gangsa di Kejohanan Taekwondo PDRM 2020 pada 29 Februari 2020 bertempat di Foyer A, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur

KEJOHANAN TAEKWON-DO
POLIS DIRAJA MALAYSIA 2020

NOTTINGHAM NETBALL VARSITY 2020

Pasukan Bola Jaring KPTM Bangi telah menyertai Nottingham Netball Varsity 2020 pada 29 February & 01 Mac 2020 bertempat di Sport Complex, University of Nottingham Malaysia. Pasukan ini telah berjaya mendapat 2nd Runner Up untuk kedua-dua Kategori Wanita & Campuran

Best Defender – Nur Athirah binti Mohamad Jais (Kategori Wanita)

Best Attacker – Muhammad Syafiq Afnan bin Zulkurnain (Kategori Campuran)

NOTTINGHAM NETBALL VARSITY 2020

PERTANDINGAN DRAMA PENDEK ANTI RASUAH IPMa

11 orang wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KPTM Bangi telah menyertai Pertandingan Drama Pendek Anti Rasuah Institusi Pendidikan MARA (IPMa) dan berjaya mendapat tempat ketiga dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500.00 beserta sijil dan plak.

LIGA SUPER FUTSAL IPT 2019

Pasukan Futsal KPTM Bangi telah menyertai Liga Super Futsal IPT 2019 yang telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pasukan ini telah merangkul Naib Juara dan Aman Azizi Hashim telah mendapat anugerah Penjaga Gol Terbaik .

PUTRAJAYA TAEKWON-DO CHALLENGE 2019 (7TH PTC19)

7TH ptc'19 Putrajaya Taekwon-Do Challenge

FINAL MEDAL TALLY

CENTRE	GOLD	SILVER	BRONZE
Persatuan Taekwon-Do Wilayah Persekutuan Putrajaya	18	10	11
Kolej Poly-Tech Mara Bangi	12	11	12
ITF Melaka Main Dojang	12	9	2
Persatuan Taekwon-Do Daerah Perak Tengah	10	14	16
High End Taekwon-Do ITF	9	2	4
Politeknik Sultan Idris Shah	8	5	13
Sekolah Kebangsaan Raja Muda SBT	7	7	2
Maahad Tahfiz Orkeed Huffaz	7	5	7
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah	5	2	5
DS Martial Arts Academy	5	2	2

Pasukan Kelab Taekwondo KPTM Bangi telah berjaya memenangi 12 Emas, 11 Perak, 12 Gangsa & mendapat tempat ke-2 secara keseluruhan di Putrajaya Taekwon-do Challenge 2019 anjuran Jabatan Belia & Sukan WP Putrajaya pada 12-13 Oktober 2019. Dalam pertandingan ini, Siti Hawa Jasni telah dianugerahkan sebagai Best Player.

KEJOHANAN ANGKAT BERAT KEBANGSAAN

Ahmad Fadhil Bin Ahmad Janius, pelajar BS101 yang telah mewakili WPKL memenangi pingat Perak kategori senior dan junior 105kg ke atas di Kejohanan Angkat Berat Senior dan Junior Kebangsaan Siri 2, 2019 pada 28 September - 2 Oktober 2019 di Segamat, Johor

(https://www.youtube.com/watch?v=St3P0sUpx9U)

EKSPRESSI TARI SELANGOR 2019

Pertandingan anjuran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor pada 28 Julai 2019 telah Berjaya menarik 40 kumpulan tarian dari seluruh Malaysia. KPTM Bangi melalui kelab Akar Seni telah menyertai pertandingan ini di bawah kategori IPT & Terbuka dan berjaya mendapat Naib Johan dan membawa pulang hadiah sebanyak RM4,000.00

PERTANDINGAN TARIAN ZAPIN TRADISIONAL KLIA (2019)

Pertandingan yang telah diadakan di KLIA ini adalah anjuran Malaysia Airport Berhad dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia. Pertandingan ini telah disertai oleh 20 Kumpulan Tarian dari seluruh Malaysia. Kumpulan Akar Seni telah berjaya mendapat mendapat Naib Johan dan membawa pulang hadiah kemenangan berjumlah RM3,000.00

MASISWA-SUNWAY ESPORTS CHAMPIONSHIP FIFA21



KPTM Bangi telah menghantar enam (6) orang peserta ke MASISWA-SUNWAY ESPORTS CHAMPIONSHIP FIFA21. 4 orang telah berjaya TOP 16 dan seorang sehingga ke quarter final.